



**PANDUAN
KAEDAH PELAKSANAAN IBADAH
DALAM BULAN RAMADAN
SEPANJANG TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP) COVID-19**



جايته كماله وان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



TUJUAN

Panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi penerangan kepada masyarakat awam khususnya kepada pesakit dan petugas barisan hadapan (frontliners) Covid-19 mengenai kaedah pelaksanaan ibadat pada bulan Ramadan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

SKOP

Panduan ini boleh digunapakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara serta Jabatan Agama Negeri-Negeri sebagai rujukan petugas barisan hadapan (frontliners), pesakit Covid-19 serta masyarakat awam dalam melaksanakan ibadat di bulan Ramadan.

PANDUAN 1 : PANDUAN BERPUASA PESAKIT COVID-19

01

Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.

Diharuskan untuk tidak berpuasa bagi pesakit yang kritikal.

05

02

Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan diri masing-masing.

Pesakit yang tidak berpuasa hendaklah menghormati bulan Ramadan dengan menjaga adab-adab tertentu.

06

03

Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa

Ibadah puasa yang ditinggalkan hendaklah digantikan semula setelah mereka sihat mengikut bilangan hari yang ditinggalkan.

07

04

Diharuskan berbuka atas nasihat para doktor Muslim yang merawat mereka, sekiranya puasa boleh melambatkan kesembuhan atau akan memudaratkan lagi keadaan pesakit

Disarankan memperbanyakkan ibadah-ibadah sunat yang lain seperti mendirikan solat tarawih, solat-solat sunat, membaca al-Quran, berselawat, berdoa, bersedekah dan sebagainya.

08

PANDUAN 2 : PANDUAN BERPUASA PETUGAS BARISAN

HADAPAN (FRONTLINERS)

01

Berniat melaksanakan ibadah puasa pada malam hari atau ketika bersahur.

Tidak menyebarkan kepada umum bahawa mereka tidak berpuasa di siang hari.

04

02

Melaksanakan puasa sebagaimana biasa mengikut kadar kemampuan

Hendaklah menghormati bulan puasa dengan mengelakkan perbuatan makan di tempat awam dan terbuka.

05

03

Diharuskan berbuka puasa apabila tidak mampu meneruskan ibadah puasa

Wajib menggantikan ibadah puasa mengikut bilangan hari yang ditinggalkan selepas berakhir bulan ramadan.

06

PANDUAN 3 : SOLAT SUNAT TARAWIH

Solat Sunat Tarawih hendaklah dilaksanakan di rumah atau tempat kediaman masing-masing bersama-sama ahli keluarga. Ini kerana, mentaati peraturan dan ketetapan kerajaan yang memerintah untuk kemaslahatan umum adalah satu kewajipan yang diiktiraf oleh syarak.



PANDUAN 4 : MAJLIS BERBUKA PUASA

1 Mengedarkan makanan yang siap dimasak dalam bungkusan dan dihantar terus kepada pihak-pihak yang difokuskan tanpa perlu mengajak dan menghimpunkan mereka di sesuatu tempat yang khusus.

3 Mengedarkan makanan menggunakan khidmat syarikat penghantaran secara berbayar seperti *GrabFood*, *FoodPanda* dan lain-lain.

2 Penghantaran dan pengagihan makanan boleh dilaksanakan sama ada dengan meletakkannya di suatu tempat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO)

4 Sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan dalam proses mendapatkan barangan, penyediaan dan penghantaran juadah yang disediakan.